

NO. SOALAN : 340

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

SOALAN :

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik purata pendapatan bagi setiap golongan umur seperti 21 – 30 tahun, 31 – 40 tahun dan sebagainya di negeri Sabah mengikut kawasan atau daerah berbanding negeri-negeri lain di Malaysia.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) adalah merupakan penyiasatan berkala yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia sejak tahun 1974. Tujuan utama penyiasatan ini adalah untuk mengumpul maklumat pola taburan pendapatan isi rumah dan juga untuk mengenal pasti golongan isi rumah miskin. Konsep dan definisi pendapatan yang diguna pakai adalah berdasarkan saranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nation*). Pendapatan yang dimaksudkan mestilah terakru dan berlaku berulang kali dalam tempoh rujukan. Konsep ini sejajar dengan amalan negara-negara lain di dunia.

Berdasarkan kepada Penyiasatan HIS 2012, pendapatan kasar isi rumah bulanan purata bagi isi rumah berumur 15 – 24 tahun di Sabah tumbuh pada kadar 5.5 peratus setahun iaitu sebanyak RM2,399 pada tahun 2012 berbanding RM2,033 pada 2009. Pertumbuhan pendapatan purata ini turut dinikmati oleh peringkat kumpulan umur yang lain seperti yang direkodkan pada Jadual 1. Secara keseluruhannya pendapatan isi rumah bulanan purata mengikut kumpulan umur di Negeri Sabah berkembang di antara 3.3 peratus sehingga 17.6 peratus.

Pertumbuhan purata kadar pendapatan isi rumah di Sabah adalah tidak jauh berbeza dengan negeri-negeri lain seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 2.

Jadual 1 : Pendapatan Isi Rumah Bulanan Purata Mengikut Kumpulan Umur, Sabah, 2009 dan 2012

Kumpulan Umur	2009	2012	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)
	Pendapatan Purata		
15 - 24	2,033	2,399	5.5
25 - 29	2,916	3,220	3.3
30 - 34	3,052	3,960	8.7
35 - 39	3,215	3,970	7.0
40 - 44	3,001	4,146	10.8
45 - 64	3,464	4,447	8.3
65 dan lebih	1,916	3,253	17.6

Jadual 2 : Pendapatan Isi Rumah Bulanan Purata Mengikut Kumpulan Umur, Malaysia, 2009 dan 2012

Kumpulan Umur	2009	2012	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)
	Pendapatan Purata		
15 - 24	3,161	3,460	3.0
25 - 29	3,870	4,691	6.4
30 - 34	4,175	5,249	7.6
35 - 39	4,239	5,338	7.7
40 - 44	4,434	5,479	7.1
45 - 64	4,266	5,324	7.4
65 dan lebih	2,519	3,075	6.7

Sekian, terima kasih.